

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI NOH BIN OMAR
(TANJONG KARANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.11.2015

Y.B. DATUK SERI HAJI NOH BIN OMAR [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberi pengecualian GST kepada peserta E-kasih golongan OKU dan pelajar Universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana sedia maklum, GST merupakan suatu sistem percukaian

yang bersifat *broad-based* dan lebih berkesan berbanding sistem Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1972 dan 1975 masing-masing. Sekiranya pelaksanaan GST memberikan layanan pengecualian berdasarkan golongan tertentu seperti golongan OKU, pelajar universiti, senarai nama di dalam e-kasih dan golongan-golongan yang layak selainnya, ianya akan menjadikan pelaksanaannya lebih rumit serta bertentangan dengan objektif pelaksanaan GST yang secara amnya perlu bersifat *broad-based*. Walau bagaimanapun, demi memastikan golongan tersebut tidak terbeban dengan pelaksanaan GST, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah khusus seperti berikut:

- i. Sebahagian besar barang diberikan kadar GST sifar dan perkhidmatan asas telahpun dikecualikan GST. Antaranya adalah barang makanan asas seperti beras, sayur, daging, tepung, gula dan minyak masak, termasuk buah-buahan, ubatan penting Nasional dan bahan bacaan. Perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan, pendidikan dan pembelian rumah kediaman juga tidak dikenakan GST;

- i. Pelepasan GST untuk golongan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti yang terdapat dalam Butiran 7, Perintah

Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014. Antara barangan yang diberi pelepasan GST ialah anggota palsu, kerusi roda, katil boleh laras untuk orang kurang upaya, dan alat bantuan pendengaran;

i. Pelepasan GST ke atas badan-badan amal yang menjalankan aktiviti kebajikan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti yang termaktub di bawah Butiran 7 dan 8 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014; dan

i. Semua jenis bahan bacaan termasuk surat khabar dikenakan GST pada kadar sifar, kecuali majalah dan buku-buku lain yang bukan bahan bacaan yang sewajarnya dapat membantu golongan pelajar.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan pakej bantuan pelaksanaan GST bagi membantu rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah, antaranya dengan melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 bagi penerima yang layak pada tahun 2015. Dalam Bajet 2016 pula,

Kerajaan juga telah mengumumkan bahawa amaun BR1M ditingkatkan dan satu kategori baru diwujudkan iaitu penerima bantuan di bawah e-Kasih.